PENDAKWA RAYA

lwn.

MUSA BIN ISMAIL

MAHKAMAH TINGGI KOTA BHARU
DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA PK.
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 47-15-1990]
17 JULAI 1993

DADAH BERBAHAYA - Tuduhan mengedar ganja - Ujian kuantitatif keatas kandungan resin tidak dibuat - Samada ahli kimia boleh mengesahkan bahawa resin telah pernah diekstrak atau pun tidak - Samada ahli kimia wajib menjalankan ujian kuantitatif - Akta Dadah Berbahaya, 1952 ss. 2, 39(B)(1)(a).

PROSEDUR JENAYAH - Percakapan beramaran yang membebaskan - Samada secara tersendiri percakapan beramaran memenuhi beban bukti yang terletak kepada tertuduh - Samada tertuduh tidak harus dipanggil untuk membela diri.

Tertuduh dalam kes ini menghadapi tuduhan memiliki dan mengedar 1569.9 gram ganja dibawah seksyen 39(B)(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952. Ketika ditangkap tertuduh dilihat men-campakkan sesuatu yang dibimbit dari tangannya. Polis menjumpai benda yang dicampak itu dan mendapati ianya satu bungkusan plastik mengandungi 1207 cucuk daun daun kering yang disyaki ganja.

Bahan tumbuhan yang dirampas telah diuji-periksa oleh ahli kimia dan ujian serta analisa berikut telah dibuat:

1. Analisa fizikal - dengan menggunakan alat stereomikroskop;
2. Ujian warna atau Dequinois Levine test;
3. Ujian Thin layer chromatography; dan
4. Pemeriksaan mikroskop.

Berdasarkan kepada ujian yang dijalankan ahli kimia telah mengesahkan bahawa bahan tumbuhan kering tersebut mengandungi banyak resin ,biji biji cannabis, stigma cannabis, batang dan daun daun cannabis dan keadaan resin yang terdapat pada bahan tumbuhan tersebut masih dalam bentuk asal dan belum diekstrak lagi. Ujian kuantitatif keatas kandungan resin, bagaimanapun, tidak dijalankan.

Peguambela tertuduh berhujah bahawa tanpa ujian kuantitatif ahli kimia tidak boleh mengesahkan resin telah pernah diekstrak dari bahan itu atau pun tidak dan oleh sebab itu tidak wujud apa-apa asas untuk mengesahkan bahawa bahan tumbuhan itu adalah "cannabis" seperti yang ditafsirkan didalam Akta.

Persoalan yang timbul adalah:

1. Samada bahan tumbuhan yang dianalisa oleh ahli kimia adalah "cannabis" seperti yang ditafsirkan oleh seksyen 2 Akta;
2. Samada jika bahan tersebut memang "cannabis", tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan keatas bahan tersebut pada masa yang berkenaan.

Diputuskan:

[1] Bagi menentukan samaada resin telah diekstrak atau pun tidak dari bahan tumbuhan tersebut, tidak ada kewajipan disisi undang undang yang mengkehendaki ahli kimia membuat ujian kuantitatif keatas bahan berkenaan.

[2] Jika setelah ahli kimia menjalankan ujian yang piawai, dan mendapati bahawa resin belum diekstrak atau belum diekstrak dengan banyaknya maka mahkamah perlu memberi pertimbangan kepada keterangan itu kecuali jika keterangan itu ternyata tidak disokong oleh fakta-fakta yang menjadi asas kepada pendapat ahli kimia itu.

[3] Berdasarkan kepada keterangan ahli kimia, *prima facie*, mahkmah berpuas hati bahawa bahan tumbuhan tersebut adalah "cannabis" seperti yang ditafsirkan di dalam Akta.

[4] Diperingkat dimana tertuduh harus dipanggil membela diri atau pun tidak, percakapan beramaran yang membebaskan, secara tersendiri dan tanpa keterangan lain yang menyakinkan, tidak boleh diterima sebagai keterangan bagi membebaskan tertuduh.

[5] Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pembela tidak menjejaskan kesahihan keterangan pendakwaan berhubung dengan perkara yang material kepada kes pendakwa ia itu pada masa yang berkenaan tertuduh kelihatan berjalan kearah kawasan serang hendap sambil membibit sesuatu ditangannya dan sejurus kemudian telah ditangkap oleh

polis. Tindak tanduk tertuduh semasa ditangkap juga jelas menunjukkan bahawa dia sedar yang dia telah melakukan sesuatu yang salah disisi undang undang dan tidak sekali kali selaras dengan kelakuan orang yang tidak bersalah.

[6] Tidak ada keraguan yang manasabah bahawa semasa tertuduh ditangkap ganja tersebut berada dalam jagaan dan kawalannya dan oleh yang demikian, kedua-dua anggapan statutori dibawah seksyen 37(d) dan seksyen 37(da)(vi) Akta adalah berbangkit. Tertuduh telah gagal menyangkal kedua-dua anggapan statutori atas imbangan kebarangkalian dan tertuduh mestilah dihukum bersalah diatas pertuduhan yang dikemukakan.

[Tertuduh bersalah dan disabitkan].

Kes-kes yang dirujuk:
*PR lwn Alcontara a/l Ambross Anthony [1993] 1 AMR 385 (**dirujuk**)*
*Loo Keck Leong lwn PR [1992] 3 CLJ 1332 (**dirujuk**)*
*Hau Tua Tau lwn PR [1981] 2 MLJ 49 (**dirujuk**)*
*Ragunathan lwn PR [1982] 1 MLJ 139 (**dirujuk**)*
*Munusamy lwn PR [1987] 1 MLJ 492 (**dirujuk**)*
*PR lwn Adetunja Adeleye Sule [1993] 1 AMR 991 (**dirujuk**)*

Perundangan yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya, 1952 ss. 2, 37(d), (da) (vi), 39B(1)(a), (2).

Bagi pihak pendakwa raya - Mohd.Amin Firdaus bin Abdullah, TPR
Bagi pihak defendan - Juliana Chu; T/n. Juliana Jawahir & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Arifin bin Zakaria PK:
Tertuduh telah dituduh di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 14 Disember 1989, jam lebih kurang 8.20 malam di kawasan Tali Air Kampung Chenderong Kubu, K/Jambu di dalam Jajahan Tumpat di dalam Negeri Kelantan telah didapati dalam milik kamu dadah berbahaya iaitu `ganja' berat 1569.9 gram untuk diperedarkan oleh kamu sendiri dan oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pendakwa boleh diringkaskan seperti berikut. Pada 14 Disember 1989, Insp. Mohd Noor bin Mat Amin (SP2), yang pada masa itu bertugas sebagai pegawai Cawangan Anti Dadah (CAD) daerah polis Tumpat, telah membuat satu serang hendap di kawasan tali air Kg. Chenderong Kubu, Tumpat. Pasukan serang hendap itu terdiri dari enam orang anggota semuanya yang diketuai oleh beliau sendiri. Mereka telah sampai di tempat serang hendap pada kiri-kira jam 7.30 malam. Di situ SP2 telah membahagikan anggota-anggotanya kepada 2 pasukan. Pasukan pertama terdiri dari beliau sendiri, D.Konst. Johar bin Mohd Noh dan Konst. Mohd Hanafi bin Jaafar. Manakala pasukan kedua terdiri dari D.Kpl. Yusoff bin Jonit (SP3), L/Kpl. Mohd Zainon bin Daud dan D/Konst. Zulkifli bin Ahmad (SP4). Pasukan yang pertama telah mengambil kedudukan di bahagian jalan berhampiran dengan parit tali air manakala pasukan kedua mengambil kedudukan di seberang jalan bertentang dengan kedudukan pasukan pertama. Mereka bersembunyi dibelakang semak-semak di tepi jalan.

Setelah menunggu selama lebih kurang 1 jam, SP2 nampak satu lembaga manusia berjalan dari arah Kuala Jambu menuju ke Kubang Panjang. Lembaga itu berseorangan sahaja dan apabila ia menghampiri tempat serang hendap, SP2 nampak lembaga itu membimbit sesuatu di tangan kirinya. Apabila lembaga itu betul-betul hampir dengan kawasan serang hendap, SP2 telah menjerit, "Polis, jangan lari". Pada masa yang sama SP2 dan anggota-anggotanya telah menyerbu ke arah lembaga itu dan berlakulah satu pergelutan. Mengikut SP2, semasa pergelutan itu, lembaga itu telah mencampak sesuatu yang berada di tangannya. Dengan bantuan anggota-anggotanya akhirnya lembaga itu telah berjaya ditangkap oleh SP2. Lembaga yang berkenaan ialah tertuduh di dalam kes ini. Setelah tertuduh ditangkap SP2 telah menjumpai satu bungkusan beg plastik (P5) di dalam jarak 3-4 kaki dari tempat berlakunya pergelutan. SP2 seterusnya memeriksa beg plastik (P5) itu dan mendapati ianya terdiri dari 3 lapisan. Di bahagian luar ialah satu beg plastik berwarna kuning (P5) dan di lapisan kedua juga beg plastik berwarna kuning yang ditampal dengan pita selofan (cellophane tape) putih (P6). Lapisan ketiga pula terdiri plastik cerah yang di tampal dengan pita selofan putih (P7). Di dalam P7 terdapat daun-daun kering yang disyaki ganja.

Selepas melakukan pemeriksaan ke atas beg P5 itu, SP2 mengarahkan Konst. Hanafi untuk mendapatkan kenderaan dari balai polis, Cabang Empat. Apabila van sampai tetuduh telah di bawa ke balai polis, Cabang Empat bersama-sama dengan barang-barang kes. Di balai polis, Cabang Empat, tertuduh dan barang-barang kes telah diletakkan di dalam bilik penerangan dengan dikawal oleh SP2 dan anggotanya. Di situ sekali lagi SP2 telah menjalankan pemeriksaan ke atas P5, P6, P7 dan isi kandungannya. Didapati sebanyak 61 ikatan daun-daun kering di dalam bentuk cucuk. Ikatan-ikatan itu mengandungi 1207 cucuk kesemuanya: 50 ikatan mengandungi 20 cucuk setiap satu; 10 ikatan mengandungi 19 cucuk setiap satu dan; 1 ikatan mengandungi 17 cucuk. SP2 seterusnya membuat satu lapuran polis berhubung dengan tangkapan itu, iaitu Kuala Jambu Repot 144/89.

Pada jam lebih kurang 11.05 malam, hari yang sama, pegawai penyiasat kes, Insp. Abdullah b. Othman (SP7), telah sampai di balai polis Cabang Empat. SP2 telah menyerahkan barang-barang kes dan juga tertuduh kepada SP7. Mengikut SP7, pada malam yang sama dia telah menjalankan pemeriksaan ke atas barang-barang kes di balai polis Cabang Empat dan kemudiannya di balai polis Tumpat. Beliau megesahkan bahawa terdapat 1207 cucuk daun-daun kering seperti yang dinyatakan oleh SP2. Barang-barang kes itu seterusnya berada di dalam jagaan SP7 sehinggalah dikemukakan kepada Jabatan Kimia, Kuala Terengganu untuk pemeriksaan dan analisa. Selepas barang kes itu diterima balik dari Jabatan Kimia ianya telah disimpan oleh SP7 di pejabatnya sehingga 17 Mac 1990, bilamana ianya diserahkan kepada penjaga setor barang kes (SP6) untuk disimpan. Barang kes berada di dalam simpanan SP6 sehinggalah dikeluarkan pada hari perbicaraan kes ini.

Ahli kimia, Zainun bt. Muhamad (SP1) di dalam keterangannya, mengesahkan bahawa 1207 cucuk bahan tumbuhan kering yang dikemukakan itu adalah "cannabis" seperti yang ditafsirkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta). Berat bersih bahan itu ialah 1569.09 gram.

Di akhir kes pendakwaan peguambela menghujahkan bahawa ahli kimia telah tidak menjalankan sebarang ujian kuantitatif ke atas bahan tumbuhan itu dengan itu tidak dapat menentukan jumlah resin yang terdapat di dalamnya. Pada asasnya peguambela menghujahkan bahawa tanpa menjalankan ujian kuantitatif, SP1 tidak boleh mengesahkan bahawa bahan tumbuhan itu adalah "cannabis' seperti yang ditafsirkan di dalam Akta. Beliau mengasaskan penghujahannya kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam *PR lwn. Alcontara a/l Ambross Anthony* [1993] 1 AMR 385. Kes itu pula berasaskan kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam *Loo Keck Leong lwn. P.R.* [1992] 3 CLJ 1332 yang berkenaan dengan pentafsiran perkatan "cannabis" yang terdapat di dalam Akta. Berikutan kes *Loo Keck Leong* (di atas) Parlimen telah mengambil langkah meminda tafsiran yang berkenaan tetapi untuk tujuan kes ini pentafsiran yang berkuatkuasa sebelum dari tarikh pindaan itu adalah terpakai. Pada masa yang berkenaan "cannabis" di tafsirkan di dalam s. 2 Akta. seperti berikut:

> "cannabis" means any part of any plant of the genus Cannabis from which the resin has not been extracted, by whatever name it may be designated.

Berdasarkan kepda tafsiran itu maka seperti yang diputuskan di dalam kes *Loo Keck Leong* (di atas)

> ... the non-extraction of resin from any part of the plant of genus cannabis is an ingredient of the charge of trafficking in cannabis" (Lihat m.s. 1334).

Peguambela menghujahkan, tanpa menjalankan ujian kuantitatif ke atas bahan tumbuhan itu, SP1 tidak boleh mengesahkan samada resin telah pernah diekstrak dari bahan itu atau tidak. SP1 di dalam keterangannya mengakui bahawa beliau tidak menjalankan ujian kuantitatif ke atas resin yang terdapat di dalam bahan tumbuhan itu. Namun begitu, beliau mengesahkan, berdasar kepada ujian dan analisa yang dijalankan, bahawa "bahan tumbuhan kering itu tidak pernah mengalami apa-apa proses pengekstrakan kimia atau mekanikal". Rumusannya itu dibuat berdasar kepada ujian dan analisa yang dijalankan iaitu:

i) analisa fizikal - dengan menggunakan alat stereomikroskop;

ii) ujian warna atau Dequinois Levine test;
iii) thin layer chromatography (T.L.C); dan
iv) pemeriksaan mikroskop

SP1 seterusnya menyatakan:

> melalui pemeriksaan stereomikroskop saya dapati banyak resin, biji-biji cannabis, stigma cannabis, batang dan daun-daun cannabis...Keadaan resin itu dalam bentuk asal belum diekstrak lagi.

Di dalam kes *Loo Keck Leong* (di atas) Mahkamah Agung menyatakan:

> The fairer interpretation of the definition clause in this aspect ought to be that the resin should have been substantially extracted (but not necessarily without a trace in the residue) and not necessarily that the same should have been completely extracted so that the plant material in any particular case for all practical purpose cases to amount to such a dangerous drug - a harmless substance. In view of the evidence of the chemist, we feel that the benefit of doubt as to whether the resin has been so substantially extracted ought to be given to the appellant. (Lihat m.s. 1335.)

Dari itu apa yang menjadi persoalan ialah samada resin telah diekstrak dengan banyaknya (substantially extracted) dari bahan itu atau tidak. Ini adalah merupakan soal fakta, yang mungkin berbeza dari dari satu kes ke kes satu kes. Penghakiman Mahkamah Agung, pada pendapat saya tidak sekali-kali menyatakan samada secara nyata atau secara tersirat bahawa bagi menentukan persoalan itu ahli kimia dikehendaki menjalankan ujian kuantitatif ke atas sesuatu bahan tumbuhan itu. Perhatian Mahkamah telah ditarik kepada kes *PR lwn. Alcontara* (diatas). Dengan hormatnya saya berpendapat kes itu telah diputuskan berdasar kepada fakta dan keadaannya yang tersendiri. Pada pendapat saya, jika setelah ahli kimia menjalankan ujian dan analisa yang piawai (standard), dan mendapati bahawa resin belum diekstrak atau belum diekstrak dengan banyaknya maka Mahkamah perlu memberi pertimbangan kepada keterangnan itu kecuali jika keterangan itu ternyata tidak disokong oleh fakta-fakta yang menjadi asas kepada pendapat ahli kimia itu. Sebagaimana pernah dikatakan oleh Azmi HMA. di dalam kes *Munusamy lwn. P.R.* [1987] 1 MLJ 492 di m.s. 496.

> We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to elementary nature and identity of substance, the Court is entitled to accept the opinion of the expert on it's face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion.

Berbalik kepada keterangan ahli kimia (SP1) di dalam kes ini, beliau telah mengesahkan bahawa-

> Berdasarkan semua ujian yang saya jalankan saya dapati bahan tumbuhan kering itu tidak pernah mengalami apa-apa proses pengekstrakan kimia atau mekanikal.

Berdasarkan kepada keterangan SP1, *prima facie*, saya berpuas hati bahawa bahan tumbuhan itu adalah "cannabis" seperti yang ditafsirkan di dalam Akta.

Persoalan seterusnya ialah samada terdapat keterangan *prima facie* yang menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas P5 pada masa yang berkenaan. Keterangan saksi-saksi pendakwa menunjukkan bahawa sebelum tertuduh ditangkap dia kelihatan membimbit sesuatu ditangan kirinya. Mengikut Insp. Mohd Noor b. Mat Amin (SP2) semasa beliau menangkap tertuduh ada berlaku satu pergelutan dan pada masa pergelutan itu tertuduh telah mencampak sesuatu dari tangannya. Setelah tertuduh digari SP1 telah menjumpai satu beg plastik (P5) kira-kira 3-4 kaki dari tempat pergelutan tadi. Keterangan SP2 ini pada sebahagian besarnya disokong oleh D/Kpl. Yusoff bin Jonit (SP3) dan D/Konst. Zulkifli bin Ahmad (SP4). Di peringkat ini Mahkamah tidak dikehendaki membuat penilaian tentang ketepatan atau kebenaran cakap saksi-saksi pendakwa. (Sila lihat *Haw Tua Tau lwn. P.R.* [1981] 2 MLJ 49; *Ragunathan lwn. P.R.* [1982] 1 MLJ 139; *Munusamy lwn. P.R.* [1987] 1 MLJ 492) Apa yang perlu dibangkitkakn oleh pendakwa di akhir kes pendakwaan ialah satu kes *prima facie* sahaja.

Pihak pembela juga menghujahkan bahawa tertuduh tidak seharusnya dipanggil untuk membela diri berdasarkan kepada percakapan beramaran yang membebaskan (exculpatory cautioned statement) yang dibuat oleh

tertuduh (D1). Saya berpendapat D1 tidak boleh di peringkat ini secara tersendiri tanpa keterangan lain yang meyakinkan (cogent), diterima sebagai keterangan bagi memenuhi beban bukti yang terletak kepada tertuduh. Ini mengingatkan saya kepada kes *P.R. lwn. Adetunja Adeleye Sule* [1993] 1 AMR 991 di mana Y.A. Hakim yang membicarakan kes itu telah membebaskan dan melepaskan responden di dalam kes itu tanpa dipanggil membela diri berdasarkan kepada, antara lainnya, percakapan beramaran responden. Mahkamah Agung telah mengenepikan keputusan itu dan di m.s. 995 menyatakan:

> ...in a case where the onus lies on an accused to rebut a statutory presumption, a voluntary out of court statement by the accused - and this would include a cautioned statement - which is wholly exculpatory should not be made the foundation of an order of acquittal especially at the close of the case for the prosecution, since, at that stage, the accused not having given evidence himself, his explanations could not be tested by cross -examination.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas saya menolak hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak pembela dan seterusnya memutuskan bahawa pendakwa telah berjaya menimbulkan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dengan itu memanggil tertuduh untuk membela diri.

Setelah diterangkan ketiga-tiga pilihan, tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Tertuduh menyatakan bahawa sebelum dia ditangkap, dia bekerja sebagai jaga jentolak dengan KADA (Kemubu Agriculture Development Authority) di kawasan Kubang Panjang dan Chenderong Kubu. Pada 14 Disember,1989 dia telah turun dari rumahnya pada kira-kira jam 6.30 petang dan terus pergi ke pasar malam di Kg. Chenderong (dikenali juga sebagai Kg. Teluk Jering). Pada kira-kira jam 7 malam seorang lelaki yang dikenalinya dengan nama Mazlan telah datang berjumpa dengannya di pasar malam itu. Tertuduh kemudian menanyakan kepada Mazlan kemana dia hendak pergi selepas itu dan Mazlan memberitahunya dia hendak pergi minum tuak di Kg. Kubang Panjang. Tertuduh seterusnya bertanya dengan Mazlan dia datang dengan siapa dan Mazlan menjawab seorang sahaja. Lalu tertuduh bertanya bolehkah dia tumpang untuk pergi ke tempat kerjanya dan Mazlan menjawab boleh. Pada kira-kira jam 7.45 malam mereka meninggalkan kawasan pasar malam itu. Tertuduh membonceng motosikal yang dipandu oleh Mazlan. Apakala sampai di jambatan Chenderong Kubu Mazlan mematikan enjin motosikalnya dan meletaknya berhampiran dengan sebuah kedai yang terletak di hujung jambatan itu. Mazlan berbuat begitu kerana, mengikutnya, jalan becak. Kemudiannya mereka berjalan kaki ke arah Kg. Kubang Panjang. Semasa berjalan Mazlan memberitahu tertuduh bahawa dia hendak pergi ke Kg. Siam, Kubang Panjang untuk minum tuak dan mencari kawan Cinanya di sana. Apabila mereka sampai di satu kawasan semak Mazlan membertitahu tertuduh dia hendak buang air, lalu dia masuk ke dalam semak. Tertuduh kata dia menunggu Mazlan di tepi jalan dalam jarak 2-3 kaki dari semak di mana Mazlan telah masuk. Kemudian, dia lihat seorang lelaki berjalan dari arah Kubang Panjang menuju ke arahnya dan apabila sampai di tempat dia sedang berdiri, lelaki itu terus memegang lehernya. Tertuduh meronta-ronta sebab terasa cekik. Semasa lelaki itu memegangnya, tertuduh nampak Mazlan mencampak satu bungkusan ke arah tertuduh dan selepas itu Mazlan telah lari dari situ menuju ke arah Kg. Cenderong Kubu. Kemudian dia nampak beberapa orang datang dari arah Kubang Panjang ke tempat dia ditangkap. Tetuduh seterusnya di gari dan dibawa ke balai polis Cabang Empat.

Tetuduh telah memanggil 5 orang saksi di dalam pembelaannya. Saksinya yang pertama Noriza bt. Roni (SB2) menyatakan bahawa dia ada melihat tertuduh dan Mazlan di pasar malam pada petang yang berkenaan. Katanya mereka berdua kelihatan membeli nasi dan selepas itu mereka berdua makan bersama di kerusi batu di bawah pokok di kawasan pasar malam. Seterusnya pembela mengemukakan Mohd Noor b. Salleh (SB5) dan Zulkifli b. Hamzah (SB6) bagi menyokong cerita tertuduh bahawa dia dan Mazlan ada melalui jambatan Chenderong Kubu pada petang yang berkenaan. SB5 dan SB6 mengesahkan bahawa mereka melihat tertuduh dan Mazlan melalui jambatan itu dan kemudiannya Mazlan meletak motosikalnya di kedai dihujung jambatan. Kemudiannya mereka berdua kelihatan berjalan kearah Kg. Kubang Panjang. SB5 menyatakan bahawa dia ada

menegur tertuduh semasa tertuduh melalui jambatan itu. Ketiga-tiga mereka, SB2, SB5, dan SB6 juga menyatakan bahawa mereka kenal Mazlan. Saksi pembela ketiga, Che Mohamad bin Awang Puteh, Pengetua Sekolah Menengah Cabang Empat, mengesahkan, berpandu kepada rekod sekolah, bahawa SB2 dan seorang yang bernama Rozalan bin Abdul Manaf pernah belajar di Sekolah Menengah Cabang Empat. Mengikut SB2,"Rozalan" dan "Mazlan" adalah orang yang sama. Seorang lagi saksi pembela, Norzairi bin Mohd Nor (SB4), juruteknik awam KADA, megesahkan bahawa pada masa yang berkenaan tertuduh bekerja dengan KADA sebagai jaga jentolak dan pada masa itu jentolak itu berada di kawasan Sungai Tok Cha, Kg. Kubang Panjang. Masa kerja tertuduh ialah di antara jam 6 petang sehingga ke pagi keesokan harinya.

Berdasar kepada tingkah laku saksi-saksi pembela di Mahkamah, saya tidak meragui kebenaran keterangan mereka. Namun begitu keterangan-keterangan hanyalah terhad kepada apa yang berlaku di pasar malam dan di Jambatan Chenderong Kubu sahaja. Keterangan-keterangan itu hanyalah menunjukkan bahawa Mazlan, seperti yang dikatakan oleh tertuduh, sememangnya wujud dan pada petang yang berkenaan Mazlan telah dilihat bersama-sama tertuduh tidak jauh dari tempat tertuduh ditangkap. Keterangan saksi-saksi pembela itu tidak menyentuh keterangan pendakwaan berhubung dengan perkara yang material kepada kes pendakwa iaitu - pada masa yang berkenaan tertuduh telah kelihatan berjalan ke arah kawasan serang hendap sambil membimbit sesuatu ditangan kirinya dan sejurus kemudian telah ditangkap oleh SP2. Persoalannya adakah pembela berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa itu?

Mari kita lihat keterangan pembelaan. Tertuduh menceritakan bahawa, pada malam yang berkenaan itu dia hanya berjalan bersama-sama dengan Mazlan menuju ke Kg. Kubang Panjang dan semasa di dalam perjalanan Mazlan telah berhenti untuk buang air, semasa dia menunggu Mazlan buang air dia telah ditangkap. Semasa dia ditangkap Mazlan telah mencampak satu bungkusan kearahnya. Cerita tertuduh ini adalah selaras dengan apa yang dinyatakan

a olehnya di dalam percakapan beramarannya (D1) yang dirakamkan 2 hari selepas dia ditangkap. Jika cerita tertuduh diterima oleh Mahkamah beberapa soalan timbul. Pertamanya, bererti keterangan SP2, SP3 dan SP4 adalah tidak benar. Kenapa mereka perlu berbuat demikian, sedangkan mereka

b tidak pernah mengenali tertuduh sebelum dari tangkapan itu? Keduanya, jika cerita tertuduh diterima oleh Mahkamah bererti Mazlan juga cuba menganiaya tertuduh sedangkan dari keterangan tertuduh sendiri dan juga di dalam percakapan beramarannya

c (D1) tertuduh mengatakan tidak ada pergaduhan di antara dia dengan Mazlan; cuma perselisihan yang berkaitan dengan SB2 sahaja. Kata tertuduh, Mazlan pernah menyatakan dia hendakkan SB2 tetapi tertuduh menghalangnya dan selepas itu tidak ada apa-apa yang buruk berlaku di

d antara dia dengan Mazlan. Pada pendapat saya ceritanya tentang perselisihan faham di antara dia dengan Mazlan berhubung dengan SB2 adalah sesuatu yang direka olehnya semata-mata dan jika benar sekalipun, saya fikir adalah tidak munasabah bagi Mazlan melibatkan tertuduh dengan kesalahan yang

e sebegini serius. Selain dari itu, jika Mazlan hendak berbuat demikian sekalipun kenapa perlu menggunakan jumlah "cannabis" yang sebegitu besar seperti yang terdapat di dalam kes ini, sedangkan 200 gram sudah mencukupi.

f Di dalam keterangan tertuduh juga, dia menyatakan bahawa dia telah bertemu dengan Mazlan secara kebetulan di pasar malam dan dialah yang meminta untuk menumpang Mazlan untuk pergi ke tempat kerjanya. Di sini pun timbul persoalan, jikalah

g benar Mazlan yang mengatur segala-gala yang berlaku pada malam itu, seperti yang tertuduh mahukan Mahkamah mempercayai, sudah pasti Mazlan yang akan pergi mencari tertuduh untuk menjayakan rancangannya. Dari keterangan tertuduh dia tidak pernah menyatakan bahawa Mazlan telah pergi

h mencarinya di pasar malam, tetapi sebaliknya, dia yang meminta untuk menumpang motosikal Mazlan. Tertuduh juga menyatakan dia menumpang Mazlan kerana dia hendak cepat pergi kerja, tetapi daripada keterangan yang ada, tertuduh tidak nampak seperti seorang yang tergesa-gesa

i untuk ke tempat kerja. Bahkan di dalam

keterangannya dan juga di dalam percakapan beramarannya (D1) tertuduh menyatakan bahawa dia setuju untuk mengikut Mazlan pergi minum tuak di Kampung Siam. Kalaulah benar tertuduh hendak cepat ke tempat kerja sudah tentu dia tidak akan bersetuju untuk pergi minum tuak bersama Mazlan.

Satu lagi perkara yang Mahkamah perlu mengambil kira ialah tindak tanduknya semasa dia ditangkap oleh pihak polis. Tertuduh tidak menafikan bahawa berlakunya pergelutan diantara dia dan anggota-anggota polis. Katanya dia meronta-ronta semasa ditangkap kerana dia merasa cekik dilehernya. Setelah menilai keterangan-keterangan tertuduh dan pendakwa berkait pergelutan yang berlaku, saya berpendapat, tindakan tertuduh semasa dia ditangkap jelas menunjukkan bahawa dia sedar yang dia telah melakukan sesuatu yang salah di sisi undang-undang. Ringkasnya, tindakan tertuduh semasa ditangkap adalah tidak selaras dengan seorang yang tidak bersalah.

Akhirnya, setelah menimbang keseluruhan keterangan yang di kemukakan oleh pendakwa dan pembela saya berpuas hati, tanpa keraguan yang munasabah, bahawa semasa tertuduh ditangkap P5 berada di dalam jagaan dan kawalannya. Dengan itu di bawah s.37(d) Akta, tertuduh dianggap memiliki "cannabis" yang terkandung di dalam P5 dan juga dianggap mengetahui jenis dadah itu. Oleh kerana jumlah "cannabis" yang terlibat adalah melebihi had statutori yang di nyatakan di bawah s.37 (da) (vi) Akta, maka tertuduh juga, dianggap mengedar dadah tersebut. Seterusnya, saya mendapati tertuduh telah gagal, di atas imbangan kebarangkalian, menyangkal anggapan-anggapan statutori tersebut.

Oleh itu saya berpuas hati, tanpa keraguan yang munasabah, tertuduh adalah bersalah di atas pertuduhan yang dikemukakan. Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan. Sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang tertuduh dikenakan hukuman mati.

PENDAKWA RAYA

lwn.

TWENTY FIRST CENTURY PRODUCT SDN BHD.

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HAJI ARIFIN BIN HAJI JAKA PK.
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-195-92]
21 OGOS 1993

PROSEDUR JENAYAH: Penyiaran iklan bahawa penggunaan ubat-ubat boleh merawati atau mencegah penyakit dan memperbaiki fungsi seks - Samada ianya kesalahan dibawah s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

RAYUAN: Samada Pendakwaraya telah membuktikan kes prima facie - Makna perkataan "penyiaran" dalam konteks Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Ini adalah satu rayuan daripada Pendakwaraya dimana pihak responden telah dibebaskan dan dilepaskan tanpa dikehendaki membela diri atas 3 tuduhan yang telah dibawa terhadapnya dibawah s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (kemudian ini dirujuk sebagai "Akta").

Seorang pengawai kesihatan telah memperolehi satu buku (P3) dari sebuah farmasi yang menjual produk untuk kesihatan tubuh (health foods) jenama 21st Century. P3 mengandungi iklan-iklan yang dikatakan melanggar s. 3 (1)(a)& (c) dan s. 4B Akta itu.

Majistret perbicaraan telah menegaskan bahawa oleh kerana hakmilik dan hakcipta buku P3 dipunyai oleh syarikat yang berdaftar di Australia dan kandungan buku tidak diubahsuai langsung oleh responden yang hanya mengimport dan mengedarkan buku itu ke farmasi, pengedaran sahaja tidak harus di anggap sebagai penyiaran daripada sesuatu.

Saksi responden, iaitu jurujual di farmasi menyatakan bahawa P3 bukan untuk pengedaran di kalangan orang ramai dan dia telah didesak oleh pegawai tersebut untuk memberikan buku itu.

Diputuskan:

[1] "Penyiaran" tidak diberi definasi dibawah Akta. Implikasi kegunaannya dalam Akta ialah penyebaran iklan yang berhubung dengan penyakit tertentu dibawah s. 3(1) dan penyebaran iklan ubat di bawah s. 4B(1) kepada orang ramai. Kamus Dewan Edisi Baru menyatakan "penyiaran" bererti "menghebahkan kepada orang ramai."